

aab

Mahathir - Kad '''

PETALING JAYA, 13 Ogos (Bernama) -- Hak kerakyatan sebagai warganegara Malaysia bukanlah sesuatu yang percuma tetapi perlu dibayar dengan kesetiaan kepada negara dan bertanggungjawab terhadapnya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Tetapi, kata Perdana Menteri, ada orang yang begitu taksub dengan nilai-nilai Barat sehingga mereka memikirkan kerakyatan tidak memerlukan kesetiaan.

+Mereka ini sanggup diperalatkan oleh orang asing yang berniat buruk terhadap kita. Mereka menerima wang daripada orang asing untuk sabotaj negara mereka sendiri,+ katanya semasa melancarkan sistem kad pengenalan keselamatan bermutu tinggi (KPT) di ibu pejabat Jabatan Pendaftaran Negara di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata golongan berkenaan mendakwa kononnya berjuang untuk hak asasi manusia dan alam sekitar.

+Hak asasi dan alam sekitar adalah tanggungjawab rakyat negara ini, dan rakyat Malaysia yang sepatutnya menentukan apa dianya yang perlu dipertahankan,+ kata beliau. -- Lagi

♥13/08/14-05MST

U GB 13-08 00149 BB796

aab

Mahathir - Kad 2 Petaling Jaya '''

Perdana Menteri menasihatkan rakyat supaya menjaga kad pengenalan mereka dengan baik, kerana ia adalah harta yang tinggi nilainya dan ramai yang berminat untuk mendapatkannya +dengan apa cara sekalipun+.

Katanya, kad pengenalan boleh menentukan seseorang warganegara mendapat haknya seperti hak mengundi dalam menentukan politik negara, hak mendapat pasport untuk keluar-masuk negara, hak mendapatkan bantuan kerajaan serta hak menggunakan kemudahan seperti persekolahan dan khidmat kesihatan.

+Tetapi hak ini tidak percuma. Tidak ada apa-apa yang percuma, baik di dunia atau di akhirat. Hak kerakyatan mesti dibayar dengan kesetiaan kepada negara dan tanggungjawab terhadapnya,+ kata Perdana Menteri.

Ketika ditanya oleh pemberita kemudian, Datuk Seri Dr Mahathir berkata kumpulan pendesak di negara ini terlalu mudah terikut-ikut dengan kumpulan di Barat yang memburuk-burukkan negara ini.

Katanya, mereka tidak seharusnya membiarkan diri mereka diperalatkan. -- Lagi

♥13/08/14-16MST

CNS7592

R GB 13-08 00132 BB799

aab

Mahathir - Kad 3 Petaling Jaya '''

Beliau berkata rakyat perlu faham bahawa menjadi warganegara Malaysia adalah suatu keistimewaan yang memberi banyak manfaat sehingga ramai rakyat asing mahu memilikinya.

+Sebaliknya, yang sudah menjadi warganegara tidak memiliki kesetiaan walaupun mereka telah menikmati keistimewaan,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata kerajaan hanya boleh menarik balik hak kerakyatan golongan tersebut sekiranya terbukti mereka telah menggunakan hak sebagai rakyat negara lain.

Bagaimanapun, beliau berkata perbuatan golongan itu belum mencapai ke tahap yang boleh mengancam keselamatan negara.

Kepada pertanyaan mengenai Kumpulan Hijau (golongan Barat yang berkata mereka berjuang untuk alam sekitar), beliau berkata kumpulan tersebut seharusnya mengadakan banyak tunjuk perasaan di negara mereka kerana di sanalah banyak ancaman dilakukan terhadap alam sekitar. -- Lagi

♥13/08/15-01MST

CNS7593

U GB 13-08 00149 BB800

aab

Mahathir - Kad 4 Petaling Jaya ''''

Menurutnya, kumpulan itu mendakwa datang dari negara yang mendaulatkan undang-undang tetapi sanggup melanggar undang-undang di negara lain.

+Golongan ini masih berfikiran kolonial dan menganggap mereka masih berhak terhadap negara lain seperti di zaman penjajahan dahulu,+ katanya sambil memberi contoh rakyat Switzerland, Bruno Manser yang tinggal bersama kaum Penan di Sarawak melebihi tempoh yang ditetapkan.

Katanya, gerakan anti-perabot buatan Malaysia adalah salah satu contoh negara maju +mengilas tangan+ negara membangun dalam bidang ekonomi.

Mengenai kad pengenalan baru itu, Datuk Seri Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata ia mempunyai banyak ciri keselamatan yang boleh mengelakkannya daripada dipalsukan.

Katanya sistem KPT juga akan mewujudkan kaedah pengumpulan data penduduk negara dan bertujuan membina asas data yang akan membolehkan kerajaan membuat perancangan dan mengurus masalah negara dan rakyat dengan berkesan. -- Lagi

♥13/08/15-02MST

CNS7692

U GB 13-08 00146 BB808

aab

Mahathir - Kad 5 Petaling Jaya '''' (Ulangan membetulkan jawatan Encik Kamaruddin Nordin (Pendaftaran, bukan Perpaduan) pada para 2.

Kerajaan memperuntukkan \$64 juta untuk melaksanakan projek itu yang melibatkan penggunaan teknologi moden seperti komputer untuk mengatasi kelemahan sistem lama.

Perdana Menteri kemudian menjadi orang pertama memiliki kad pengenalan baru itu, diikuti oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Megat Junid Megat Ayob dan Setiausaha Parlimen kementerian Encik Ong Ka Ting. Kad-kad itu disampaikan oleh Ketua Pengarah Pendaftaran Negara Encik Kamaruddin Nordin.

Kad pengenalan baru itu berukuran 86smx54sm (saiz kad kredit) dengan maklumat asas seperti nombor kad, nama, tarikh lahir dan alamat serta gambar (hitam putih) pemilik.

Kira-kira 15 juta kad pengenalan baru itu akan dikeluarkan dalam tempoh enam tahun.

Datuk Seri Dr Mahathir kemudian melawat sekitar ibu pejabat tersebut untuk meninjau operasinya. -- Bernama

♥13/08/16-36MST